

09 JAN 1997

PM JEPUN BERLEPAS KE INDONESIA SELEPAS MELAWAT M'SIA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto berlepas ke Indonesia hari ini setelah melawat Malaysia selama dua hari.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berada di Lapangan Terbang Antara Bangsa Sultan Abdul Azizi di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau dan rombongannya.

Hashimoto sedang dalam rangka lawatannya ke lima negara Asia Tenggara. Malaysia merupakan negara kedua dalam lawatannya itu selepas Brunei.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Hashimoto di Hotel Nikko untuk mengucapkan selamat jalan.

Hashimoto mengetuai rombongan seramai 72 anggota termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Kabinet Kaoru Yosano dan Timbalan Menteri Luar Shunji Yanai.

-- BERNAMA

NHD WAT